

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : PENGURUSAN MPKK**

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan telah menjalankan penilaian terhadap pencapaian MPKK dalam Negeri Selangor?
- b) Apakah dapatan daripada penilaian tersebut?
- c) Apakah tindakan yang diambil jika sesebuah organisasi MPKK itu dianggap gagal?

**JAWAPAN:**

(a) dan b) dijawab bersekali.

Buat masa ini Kerajaan Negeri belum lagi menjalankan penilaian terhadap pencapaian Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Negeri Selangor memandangkan kebanyakan ahli jawatankuasa MPKK merupakan wajah - wajah baru di dalam pentadbiran kampung.

Justeru, mulai tahun 2019 Kerajaan Negeri telah memberikan lebih tumpuan kepada elemen memupuk semangat serta memberi pengetahuan berkenaan aspek tanggungjawab dan tugas MPKK terhadap masyarakat. Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan pelbagai siri latihan dan kursus kepada kesemua Pengerusi MPKK dan ahli biro yang bertujuan untuk memberikan kefahaman berkaitan urus tadbir kampung yang baik. Di antara kursus yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

1. Kursus Induksi Ketua Kampung Tradisi dan Setiausaha Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK);
2. Kursus Pemantapan Pengurusan Ketua Kampung Tradisi;
3. Kursus Pemantapan Ketua Kampung Menggunakan Pendekatan Maqasid Insaniyyah; dan
4. Kursus Nadi Desa kepada 8 biro Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

Namun begitu, mulai tahun 2020, Kerajaan Negeri telah memutuskan penggunaan penilaian Penarafan Bintang (*Star Rating*) bertujuan untuk menilai prestasi Pengerusi MPKK dan pencapaian MPKK. Star Rating merupakan satu kaedah yang diguna pakai untuk memberi penilaian terhadap tiga (3) kriteria utama iaitu pentadbiran, aktiviti kemasyarakatan dan juga pencapaian yang diperolehi oleh kampung atau pun penduduk kampung. Setiap kriteria mengandungi item-item tertentu yang akan dinilai dan diberi markah. Jumlah markah keseluruhan yang diperolehi akan menentukan bilangan bintang (*Star Rating*) yang diterima oleh sesebuah MPKK. Skala pencapaian prestasi mengikut bilangan bintang ditentukan di antara lima (5) hingga satu (1) bintang. Lima (5) bintang menunjukkan pencapaian yang paling cemerlang, manakala satu (1) bintang menunjukkan pencapaian yang paling lemah.

- c) Sesebuah MPKK diketuai oleh seorang Ketua Kampung selaku Pengerusi, seorang Setiausaha dan juga sebelas (11) orang ahli jawatankuasa atau biro yang dilantik bagi menggiatkan lagi perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti di dalam kampung masing-masing. Ketua kampung selaku Pengerusi MPKK bertanggungjawab sepenuhnya dalam menentukan hala tuju sesebuah MPKK dan juga bertanggungjawab terhadap prestasi dan pencapaian sesebuah MPKK.

Sesebuah MPKK itu dianggap gagal apabila Pengerusi MPKK yang dilantik gagal melaksanakan tanggungjawab dan menunjukkan prestasi yang memuaskan sebagai Ketua Kampung atau tidak melaksanakan tugasnya dengan baik seperti mana yang dinyatakan dalam perkara No.19 Garis Panduan, Dasar, Tatacara, Peraturan Mengenai Pelantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung Tradisi serta Urusan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Negeri Selangor; perkhidmatan Ketua Kampung tersebut boleh ditamatkan dan MPKK tersebut akan dibubarkan dan selanjutnya akan dilaksanakan pelantikan MPKK yang baru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : SKIM AIR PERCUMA**

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status Skim Air Percuma 20 liter padu pertama kepada kumpulan berpendapatan kurang RM 4 Ribu?
- b) Berapa banyak permohonan yang diterima telah diluluskan?
- c) Berapakah jumlah penerima yang dijangkakan dalam skim ini?

**JAWAPAN:**

Soalan Skim Air Darul Ehsan (SADE) dijawab bersekali dengan soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Sungai Burong (Soalan No. 51), Yang Berhormat Sijangkang (Soalan No. 82), Yang Berhormat Bandar Utama (Soalan No. 204), Yang Berhormat Pandamaran (Soalan No. 248), Yang Berhormat Sungai Panjang Soalan No. 275) dan Yang Berhormat Hulu Bernam (Soalan No. 284).

Yang Berhormat semuanya berminat untuk mengetahui status bilangan pengguna yang telah mendaftar untuk SADE. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan rakyat Negeri Selangor yang mendapat air percuma di bawah SADE dianggarkan sejumlah 250,000 akaun (190,000 akaun pengguna meter individu dan kira-kira 60,000 akaun pengguna rumah pangsa kos rendah dalam kategori meter pukal). Terdapat sebanyak 25,795 permohonan gagal kerana pemohon tidak memenuhi kelayakan yang ditetapkan, iaitu terdiri dari mereka yang mempunyai pendapatan lebih dari RM4,000.00, premis di luar Selangor dan mempunyai akaun air bukan domestik.

Semakan keputusan SADE boleh dibuat melalui Portal Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) dengan menggunakan login & password yang didaftarkan ketika membuat pendaftaran dahulu bermula pada 16 Mac 2020. Pada masa yang sama, pemakluman kepada pengguna akan dibuat menerusi email dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

Yang Berhormat Bandar Utama bertanyakan mengenai tarikh pendaftaran baru kepada pemohon yang layak untuk mendaftarkan diri di bawah Skim Air Darul Ehsan. Kerajaan Negeri telah bersetuju pendaftaran baru dibuka semula bermula pada 01 April 2020 dan sekiranya pemohon ini memenuhi semua syarat, ia akan layak menikmati air percuma mulai pada 01 September 2020.

Yang Berhormat Sungai Panjang, Yang Berhormat Sungai Burong dan Yang Berhormat Hulu Bernam bertanyakan berapa anggaran perbelanjaan Kerajaan Negeri di dalam membiayai SADE. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1,812,421,674.67 bagi menampung pembiayaan Program Pemberian Air Percuma 20-meter padu semenjak Jun 2008 hingga Disember 2019. Jumlah pembiayaan Kerajaan Negeri di bawah Skim Air Darul Ehsan ini dianggarkan akan berkurangan dari RM180 juta setahun kepada RM35 juta setahun berdasarkan kepada anggaran 250,000 jumlah permohonan yang telah berjaya mendapat SADE.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : HUTAN SIMPAN BUKIT LAGONG**

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apa perkembangan terkini tentang isu penyahwartaan sebahagian daripada Hutan Simpan Bukit Lagong kepada PKNS dan satu lagi syarikat swasta untuk projek perumahan?
  
- b) Selepas sesi "townhall" tahun lepas, bila sesi pendengaran awam akan diadakan?

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga kini, proses penyahwartaan sebahagian kawasan HSK Bukit Lagong (Kompartmen 19) seluas  $\pm 28.3$ ha @  $\pm 70$  ekar bagi tujuan pembangunan oleh PKNS dan Spanland Sdn. Bhd. telah berada di peringkat akhir pelaksanaannya. Beberapa siri perbincangan telah dilaksanakan bagi memuktamadkan penggantian tanah yang dinyahwarta sebagai HSK di mana pihak pemohon akan menggantikan seluas  $\pm 31.23$ ha @  $\pm 77.18$  ekar di lot PT 37790, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat. Kawasan cadangan penggantian ini adalah merupakan tanah milik PKNS yang masih berhutan dan adalah bersebelahan dengan Hutan Simpan Sungai Lalang. Keluasan yang digantikan juga adalah lebih besar dari keluasan HSK Bukit Lagong yang dimansuhkan tersebut. Melalui beberapa kali mesyuarat jawatankuasa teknikal yang diadakan pada tahun 2019 dan sehingga kini, satu Mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan Awam telah diputuskan untuk diadakan pada masa yang terdekat ini bagi memuktamadkan syor-syor kepada MMKN berdasarkan kepada analisa bantahan yang telah diterima.
  
- b) Sebanyak 2 sesi Town Hall (melibatkan Sesi Pagi dan Sesi Petang) telah dijalankan iaitu pada 18 Feb 2019 (Isnin) bertempat di Dewan Seri Kayangan, Kompleks Kediaman Pegawai Daerah Gombak. Sesi Town Hall ini telah dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna dan melibatkan ahli-ahli panel yang terdiri daripada agensi seperti PTG, PKNS, MPS, PDT Gombak, JPBD, JMG, JKR, JAKOA, PERHILITAN, UPEN, JPNS dan pemaju.

Berdasarkan kepada Kaedah-kaedah Penyiasatan Awam (Selangor) 2014, Jawatankuasa Penyiasatan Awam akan mengadakan mesyuarat setelah *Town Hall* tersebut diadakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : NYAMUK WOLBACHIA**

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan hasil kajian 2 tahun lepas tentang keberkesanan nyamuk wolbachia dalam menangani denggi di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Hasil penyelidikan nyamuk berWolbachia oleh pihak IMR di Selangor pada 2017 menunjukkan keputusan yang positif dan memberangsangkan bagi kawalan denggi di 7 lokaliti denggi di daerah Petaling dan 2 lokaliti denggi di daerah Gombak. Kesemua lokaliti menunjukkan pengurangan kes denggi dan status lokaliti denggi di lokaliti berkenaan adalah terkawal.

Fasa penyelidikan ini telah diteruskan ke fasa operasi di 8 lokaliti lain bermasalah denggi di Petaling pada 2019 dan tambahan 4 lokaliti lain pada tahun 2020. Projek ini juga diluaskan ke negeri lain seperti Pulau Pinang dan Johor di lokaliti terpilih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : HABITAT KELIP-KELIP**

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam usaha pemuliharaan dan konservasi habitat kelip-kelip di Kampung Kuantan supaya habitat dan ekosistemnya terus terpelihara dan terus menjadi tarikan pelancong.

**JAWAPAN:**

- a) Forest Research Institute Malaysia (FRIM) merupakan satu agensi yang bertanggungjawab untuk memantau populasi kelip-kelip setiap bulan dengan menggunakan kaedah fotografi malam yang mesra alam di tujuh lokasi merangkumi 1.6 kilometer sepanjang Sungai Selangor antara Tanjung Labak dan Kampung Sepakat di kawasan yang telah diwartakan seluas lebih 1,000 hektar di sepanjang Sungai Selangor sebagai zon perlindungan kelip-kelip pada 2009.

Berikutan tindakan ini, di peringkat Majlis Daerah Kuala Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan kelangsungan habitat kelip-kelip sentiasa terpelihara adalah dengan menggalakkan aktiviti tanggungjawab sosial korporat melalui daripada pelbagai pihak secara sukarela yang ingin menyumbangkan tenaga dan masa mereka dalam aktiviti seperti penanaman semula pokok serta pembersihan sungai secara berterusan kerana komposisi tumbuhan di Kampung Kuantan perlu diperkayakan dengan penanaman lebih banyak pokok seperti pokok rumbia, berembang dan nipah untuk memastikan kelestarian populasi kelip-kelip. Ianya merupakan satu inisiatif yang berterusan bagi memastikan habitat dan populasi kelip-kelip di Kampung Kuantan sentiasa terpelihara dari semasa ke semasa sekaligus memberi kesedaran kepada semua peringkat umur masa kini tentang kebaikan dan keperluan dalam menjaga flora dan fauna untuk kegunaan generasi akan datang sekaligus menjadikan Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan sebagai satu produk pelancongan yang terkemuka di seluruh dunia.

Selain itu, melalui agensi yang berkaitan MDKS giat menjalankan program kemasayarakatan iaitu melaksanakan Hari Kelip – Kelip Sedunia pada setiap tahun. Program ini dapat memberi kesedaran kepada penduduk setempat tentang kepentingan kebersihan sungai di mana sungai berfungsi sebagai kawasan habitat semula jadi hidupan akuatik dan juga merupakan habitat kelip – kelip. Oleh yang



demikian, dengan usaha-usaha yang dapat diteruskan ini, imej Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan terus terjamin dan berjaya menjadi tarikan pelancong dalam dan luar negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PROJEK RUMAH MAMPU MILIK**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk melepaskan status rumah mampu milik dengan lebih awal, iaitu sebelum projek disiapkan sekiranya tiada pembeli yang layak atau berminat untuk membeli projek tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman yang Berhormat, Kerajaan Negeri tidak pernah melepaskan status rumah mampu milik dengan lebih awal walaupun tiada pembeli yang layak atau berminat untuk projek tersebut. Namun begitu, Kerajaan Negeri membenarkan untuk menangguhkan pembinaan Rumah Selangorku (rumah mampu milik) dalam tempoh dua (2) tahun atau dalam tempoh tertentu daripada kelulusan pembangunan diperolehi sekiranya permintaan / sambutan rumah tersebut kurang memberangsangkan dengan syarat pihak pemaju dikehendaki membuat kajian pasaran terlebih dahulu sebelum penangguhan dibenarkan. Namun begitu, setelah permintaan / sambutan daripada pembeli telah ada dan pembangunan sekitar telah dibangunkan maka pihak pemaju dikehendaki memulakan semula pembangunan yang ditangguhkan tersebut mengikut jadual pelaksanaan yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, sekiranya dalam tempoh dua (2) tahun tersebut permintaan / sambutan daripada pembeli masih lagi kurang memberangsangkan, pihak pemaju hanya dibenarkan untuk meminda komponen dan jenis Rumah Selangorku (rumah mampu milik) berdasarkan permintaan dan pembangunan sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : KELEWATAN BAJA SUBSIDI**

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan isu kelewatan baja subsidi kepada petani terutama di kawasan Sawah Sempadan?

**JAWAPAN:**

- a) Pemberian baja subsidi adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Difahamkan kelewatan baja subsidi yang berlaku pada tahun lepas telah diatasi dengan kelulusan khas Kementerian Kewangan bagi menyambung kontrak NAFAS bagi membekalkan baja subsidi kepada pesawah. Di pihak Kerajaan Negeri, Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang dan IADA Barat Laut Selangor akan sentiasa memastikan pesawah mendapat bekalan baja subsidi yang mencukupi dan dihantar tepat pada masa. Disamping itu juga, Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang sentiasa mengemaskini data pesawah dan keluasan bertanam padi supaya pengagihan baja subsidi lebih telus dan hanya kawasan bertanam padi sahaja menikmati bantuan baja subsidi ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH  
(N28 SERI KEMBANGAN)**

**TAJUK : ISU KESESAKAN DI JLN BESAR, SERI KEMBANGAN**

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah JKR mempunyai perancangan untuk menyelesaikan isu kesesakan di sepanjang Jln Besar, Seri Kembangan?

**JAWAPAN:**

- a) Jalan yang dimaksudkan adalah Jalan Persekutuan FT 3215. Pihak JKR Selangor mempunyai perancangan untuk menyelesaikan masalah kesesakan di jalan tersebut. Permohonan untuk menaiktaraf jalan ini telah dimohon pada 10 Februari 2020 kepada Caw. Jalan. Ibu Pejabat JKR Malaysia di bawah program Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : KAMPUNG TRADISI PELBAGAI ETNIK BERBUDAYA MALAYSIA**

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan berminat melalui kaedah call for proposals, untuk membangunkan kawasan di Kg Taman Warisan Klang Gate sebagai pusat pelancongan *diversity* bagi flora dan fauna yang lengkap dengan homestay kampung tradisi pelbagai etnik berbudaya Malaysia?

**JAWAPAN:**

- a) MPAJ berminat dengan cadangan membangunkan Kg Taman Warisan Klang Gate sebagai pusat pelancongan *diversity* bagi flora dan fauna yang lengkap dengan *homestay* kampung tradisi pelbagai etnik. Walaubagaimanapun perkara ini perlu penelitian dan penyelarasan teknikal dari semua agensi yang berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, Jabatan Hutan dan lain - lain agensi yang berkepentingan supaya tidak menimbulkan masalah pada masa akan datang. Perancangan ini juga akan ditambahbaik dalam Rancangan Tempatan MPAJ 2035 (Penggantian) yang kini dalam proses penyediaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : BLUEPRINT PEMBASMIAN KEMISKINAN**

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah keberkesanan program blueprint pembasmian kemiskinan?
- b) Berapakah jumlah usahawan yang masih meneruskan dan tidak meneruskan perniagaannya selepas menerima bantuan blueprint?
- c) Apakah jenis-jenis perniagaan yang dilakukan oleh semua peserta blueprint?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2018 satu kajian penilaian impak melibatkan Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan telah dilaksanakan oleh Institut Darul Ehsan (IDE). Berhubung dengan keberkesanan program ini, laporan akhir kajian telah menunjukkan majoriti responden dari kalangan penerima iaitu 95% daripada 1,171 sampel responden bersetuju bahawa bantuan mesin/ peralatan yang diterima telah berjaya membantu meningkatkan pendapatan bulanan mereka. Selain daripada itu, statistik pendapatan sebelum dan selepas menerima bantuan menunjukkan secara keseluruhan min pendapatan meningkat dari RM917.00 kepada RM1,378.00. Ini menunjukkan terdapat peningkatan sebanyak RM416.00 iaitu sebanyak 50.3% sekaligus menunjukkan keberkesanan yang positif.
- b) Dapatan kajian tersebut telah menunjukkan bahawa 87% iaitu seramai 1,019 daripada 1,171 orang penerima bantuan telah berjaya meningkatkan pendapatan dan terus aktif menjalankan perniagaan selepas menerima bantuan mesin/ peralatan daripada Kerajaan Negeri. Manakala hanya 13% iaitu seramai 152 sahaja mencatatkan tiada peningkatan.
- c) Untuk makluman Yang Berhormat, sebahagian besar peserta *blueprint* terlibat di dalam aktiviti-aktiviti perniagaan seperti jahitan, jualan makanan dan minuman, makanan ringan, penjaja pasar malam, perkhidmatan, bengkel, pembuatan

makanan sejuk beku, minuman dan roti dan pastri. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan ini, dapat disimpulkan bahawa Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan telah memberikan impak yang positif kepada rakyat Selangor khususnya di dalam mengupayakan tahap sosio ekonomi mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PENULARAN WABAK CORONA VIRUS**

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berikan maklumat terperinci kes corona virus di Selangor sehingga kini?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri membantu dalam mengawal penularan wabak ini?

**JAWAPAN:**



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN TEKNOLOGI 5G**

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan teknologi 5G di Negeri Selangor?
- b) Nyatakan kos yang telah dibelanjakan untuk penaiktarafan teknologi di Negeri Selangor.
- c) Apakah status kesiapsagaan Pentadbiran Negeri Selangor dalam penerimaan teknologi 5G ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Pusat melalui agensi yang telah dipertanggungjawab Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Malaysian Communications and Multimedia Commission – MCMC) telah melaksanakan beberapa projek demonstrasi untuk memberi pendedahan kepada rakyat berkenaan aplikasi dan guna pakai (functional use cases) teknologi berkaitan dengan 5G. Di Negeri Selangor terdapat beberapa projek demonstrasi khusus yang dilaksanakan oleh pembekal perkhidmatan dan syarikat telekomunikasi sedia ada. Projek-projek tersebut termasuklah :

No	Penyelesaian Vertikal	Lokasi	Pembekal Perkhidmatan	Butiran
1	Digital Healthcare	5G OpenLab@RekaSpace. Cyberjaya	Digi	Remote Diagnosis/Monitoring and Connected Ambulance
			Digi	Real Time Medical Time Transfer
			U-Mobile	Remote Consultation with Medcom
			U-Mobile	Doctor On-Call
2	Education	5G OpenLab@RekaSpace.	Digi	Virtual Maker Space (Collaborative VR)

		Cyberjaya	Maxis	Augmented Reality Experiential Content
			Maxis	eKelas-Enhanced Education
3	Entertainment/ Media	5G OpenLab@RekaSpace. Cyberjaya	Altel	TV Broadcast over 5G
			Digi	Interactive AR with Avatar
			TM	Virtual Reality and Augmented Reality (vGames-eSports), (vGames-eConcerts)
4	Smart City	5G <a href="#">OpenLab@RekaSpace. Cyberjaya</a> , UiTM Shah Alam, MPSJ, Gamuda Cove, Dengkil, MBPJ,	Altel	High Speed Mobile Internet Access for Tourist
			Celcom	5G Live Video Surveillance
			Edotco	Smart Airport
			Edotco	Smart Travel
			Maxis	Robot Concierge
			Maxis	Augmented Reality
			Maxis	Smart Street Lighting
			TM	Smart Traffic Lights Solutions
			TM	Smart Safety & Security Solutions
			TM	Smart Parking Solutions
			TM	Smart Digital Signage
			TM	Retail Footfall Analytics (ACE)
			TM	Smart Water Meter System (RITA)
			TM	Fleet management System (CONVES)
			TM	Smart Safety & Incident Management (Smart Helmet)
			TM	Geo Location and Services (Pesafe)
	Digi, Edotco, Maxis, U-Mobile	Fixed Wireless Access (FWA)		

- b) Syarikat-syarikat telekomunikasi dan penyedia perkhidmatan sedia ada tidak berkongsi secara khusus perbelanjaan pembangunan dan menaiktaraf infrastruktur teknologi khususnya untuk Negeri Selangor. Akan tetapi, menurut laporan daripada MCMC, sejumlah RM116 Juta secara keseluruhannya telah dibelanjakan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi dan penyedia perkhidmatan untuk menjayakan Projek Demonstrasi 5G pada tahun 2019.
- c) Teknologi 5G menjanjikan hubungan yang lancar dan tidak terbatas (seamless) di antara manusia dengan aplikasi dan jaringan pintar. Secara langsung ia akan menjanakan penggunaan data dengan skala yang besar. Keperluan daripada permintaan penggunaan data yang tinggi dan kependaman yang rendah (high bandwidth, low latency) ini, hanya boleh dicapai dengan adanya rangkaian gentian optic yang meluas dan mempan kepada penyedia perkhidmatan. Untuk pengetahuan YB, Teknologi 5G ini masih baharu dan belum terpasang dengan menyeluruh. Pengembangan rangkaian gentian optic juga adalah tidak meluas dan hanya tertumpu kepada Kawasan yang hanya dapat memberikan pulangan yang cepat dan banyak kepada pembekal perkhidmatan sedia ada. Walau bagaimanapun, sebagai bakal pengguna teknologi yang baru, pentadbiran kerajaan negeri adalah sentiasa terbuka dan bersedia untuk mengguna pakai teknologi terkini kerana ianya dapat menambahkan kecekapan dan mempercepatkan perkhidmatan kepada rakyat. Ini Selaras dengan program menambah baik modal insan, pembelajaran dan latihan secara berterusan yang diamalkan selaras dengan program perkembangan kerjaya penjawat awam yang diurus di peringkat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : PENGGANTIAN PAIP LAMA JALAN HULU LANGAT**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah kerajaan akan menggantikan paip-paip lama di Jalan Hulu Langat yang kerap pecah dewasa ini?

**JAWAPAN:**

- a) Air Selangor telah mencadangkan beberapa jajaran paip lama di Jalan Hulu Langat untuk dimasukkan di dalam program penggantian paip lama. Kerja-kerja penggantian paip yang sedang dalam pembinaan dan dalam peringkat perancangan di Jalan Hulu Langat adalah seperti berikut:

<b>No.</b>	<b>Kawasan</b>	<b>Status Terkini</b>
1.	Jalan Hulu Langat – Masjid Batu 14 hingga Simpang Semungkis	Projek dalam pembinaan
2.	Jalan Hulu Langat (Batu 16) – Jajaran paip bersaiz 250mm di sebelah kiri jalan	Akan dianugerahkan dalam bulan Mac 2020
3.	Jalan Hulu Langat (Batu 16) – Jajaran paip bersaiz 250mm di sebelah kanan jalan	Akan dianugerahkan dalam bulan Mac 2020

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : MASALAH BERITA PALSU**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pandangan kerajaan berkenaan berita palsu yang menjejaskan persepsi kerajaan?
  
- b) Apakah tindakan akan diambil untuk mengatasi masalah ini?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PENCAPAIAN STATUS BANDARAYA**

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam membantu MPAJ mencapai status bandaraya?
  
- b) Apakah kebaikan kepada Rakyat Jikalau PBT telah mencapai status Bandaraya?

**JAWAPAN:**

- a) MPAJ dalam tindakan penyediaan cadangan kertas kerja naiktaraf status perbandaran ke bandaraya. Kertas cadangan ini akan dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sebelum dipertimbang ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Merujuk kepada Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 4 Tahun 2008, MPAJ telah memenuhi semua kriteria yang ditetapkan untuk dinaiktaraf ke status bandaraya. Lima (5) perkara yang ditekankan bagi kriteria naik taraf pihak berkuasa tempatan (PBT) adalah jumlah penduduk, jumlah hasil tahunan, sistem penyampaian perkhidmatan, keupayaan pusat pertumbuhan baharu dan kemampuan menyediakan perkhidmatan bandar, kemudahan infrastruktur, dan utiliti awam serta keupayaan membentuk jenama dan imej bandar.
  
- b) Sekiranya MPAJ mencapai status bandaraya, rakyat akan mendapat pelbagai manfaat antaranya :-
  - 1. Menikmati perkhidmatan-perkhidmatan PBT pada tahap yang tinggi serta pembangunan bandar yang menekankan kepada pembangunan mapan (sustainable development).
  
  - 2. Menikmati fungsi bandar dan budaya nasional yang melambangkan sejarah dan warisan serta kawasan-kawasan atau bangunan-bangunan yang mempunyai nilai sejarah, budaya dan senibina yang unik serta terpelihara.

3. Menikmati perkembangan kawasan perindustrian, institusi kewangan dan kemudahan menjalankan perniagaan dan perdagangan yang menarik kemudahan-kemudahan perhotelan yang menggalakkan kegiatan pelancongan dan urusan perniagaan selain kepesatan sektor perkhidmatan serta pembangunan aktiviti ekonomi bandar yang bernilai tambah dan berorientasikan pengetahuan.
4. Menikmati pusat institusi pendidikan yang lengkap dengan universiti, kolej, maktab, muzium dan perpustakaan awam selain pelbagai aktiviti kebudayaan, acara-acara sukan dan riadah serta konvensyen di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.
5. Menikmati kemudahan infrastruktur yang lengkap, utiliti awam yang mencukupi termasuklah taman-taman awam yang mesra pengguna terutamanya kepada Orang Kurang Upaya (OKU). Perkara ini meliputi kemudahan-kemudahan pengangkutan awam, sistem pengurusan lalulintas dan rangkaian jalan raya yang cekap serta perkhidmatan ICT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : STATUS PERMOHONAN TEBATAN BANJIRMERU DAN MENAIK TARAF  
JALAN DARI KLANG SENTRAL-PEKAN MERU-PEKAN KAPAR**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status permohonan untuk projek tebatan banjir DUN Meru dan menaik taraf Jalan Meru dan Persiaran Hamzah Alang dari Klang Sentral ke Kapar?

**JAWAPAN:**

- a) Permohonan Rancangan Tebatan Banjir Sg. Kapar Kecil dan Sg. Kapar Besar di Daerah Klang dan Petaling telah dimohon kepada Kerajaan Persekutuan di dalam permohonan RMK12 dengan kos sebanyak RM199 juta. Projek ini menjadi salah satu projek keutamaan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS) dan senarai keutamaan projek telah dibincangkan di dalam program libat urus Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) bersama dengan Kerajaan Negeri pada 17 Februari 2020.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : PROJEK RUMAH SAKIT**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek rumah sakit di Selangor?
- b) Nyatakan jumlah keseluruhan status projek dari tahun 2015 sehingga 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha membantu dalam menyelesaikan masalah projek terbengkalai di Negeri Selangor. Walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad sebagai pemudahcara diantara semua agensi dan secara pentadbiran dalam membantu memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini pada dasarnya terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]. Mengikut rekod KPKT sebanyak 76 projek perumahan swasta terbengkalai yang berlesen dibawah kategori sakit di Selangor. Projek-projek ini adalah dibawah pemantauan Jabatan Perumahan Negara, KPKT.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) jumlah keseluruhan status projek daripada tahun 2015 sehingga 2019 adalah sebanyak 76 projek perumahan swasta terbengkalai yang berlesen dibawah kategori sakit di Selangor. Projek-projek ini adalah dibawah pemantauan Jabatan Perumahan Negara, KPKT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : MASALAH ANJING LIAR DAN KEMUNGKINAN PENYAKIT ANJING**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah cara-cara atau kaedah terkini untuk mengelakkan anjing liar yang baru2 ini telah mengancam keselamatan masyarakat dan merosakkan ternakan?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kaedah yang terkini yang digunakan selaras dengan Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan dan Pelupusan anjing terbiar Di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan melalui Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 5 Tahun 2014. Kerajaan Negeri juga akan memperkasakan perkhidmatan di setiap PBT bagi menangani setiap aduan yang diterima serta memastikan keselamatan masyarakat terjaga. Program Kawalan Haiwan yang diadakan pada 2 hingga 5 Mac 2020 adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri bagi mengelakkan anjing liar daripada mengancam keselamatan masyarakat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : HOSPITAL BANTING**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah banyak peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kerja Raya untuk pembinaan semula dan naiktaraf Hospital Banting?
  
- b) Berapa banyak peruntukan ini telah dibayar kepada kontraktor dan apakah perkembangan terkini projek ini?

**JAWAPAN:**

- a) Jawapan masih belum diterima daripada JKNS
  
- b) Status fizikal projek adalah seperti berikut :

Status Kemajuan Kerja : Jadual = 8% / Sebenar = 8%  
Kemajuan Terkini : Kerja-kerja Piling (54%)

Belanja kumulatif (sehingga 31.1.2020) : RM 814,500.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : KOMPLEK SUKAN PELBAGAI GUNA**

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada perancangan Kerajaan Negeri untuk membina kompleks sukan pelbagai guna di Selangor khususnya di DUN Taman Templer?

**JAWAPAN:**

- a) i. Buat masa kini MPS sudahpun mempunyai Stadium Majlis Perbandaran Selayang yang berada di Dun Taman Templer.
- ii. Kompleks sukan seperti Kolam Renang dan Dewan Serbaguna ada disediakan di Dun Sungai Tua yang berdekatan.
- iii. Majlis buat masa kini tiada perancangan untuk membina kompleks sukan di kawasan Dun Taman Templer.